

**ORIGINAL ARTICLE****MJSSH**  
Mualim Journal of  
Social Science and Humanities**APLIKASI PEMBELAJARAN ABAD KE-21 DALAM  
TALIAN: CABARAN GURU PENDIDIKAN MORAL****21ST CENTURY ONLINE LEARNING APPLICATIONS:  
THE CHALLENGE OF MORAL EDUCATION  
TEACHERS**

**Nurul Azwani Mohd Idriki <sup>1</sup>**  
**Tan Bee Piang <sup>\*2</sup>**

<sup>1</sup> Department of Moral, Civics and Character Education, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: [wanieyazwaniey0108@gmail.com](mailto:wanieyazwaniey0108@gmail.com)

<sup>2</sup> Department of Moral, Civics and Character Education, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: [tanbeepiang@fsk.upsi.edu.my](mailto:tanbeepiang@fsk.upsi.edu.my)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/174>

**Abstract**

The Covid-19 pandemic phenomenon has unfolded in Malaysia since 2020, it has brought far-reaching changes to all aspects of society includes education. Due to the Movement Control Order (PKP), educational institutions in Malaysia were ordered to close, student started fully learning online from home. This situation has become a challenge to the implementation of the 21st Century learning approach in teaching. As this fully online teaching and learning are happening for the first time in Malaysian education, this study aims to explore the challenges faced by Malaysian Moral Education teachers on the implementation of the 21st Century skill in an online classroom. This study uses a qualitative method by interviewing 5 Moral Education teachers as respondents. The findings of this study show that the change of online teaching and learning has caused unexpected challenges to Moral Education teachers, the traditional teaching techniques which have been applied in face-to-face classrooms are not effective when moving to online teaching and learning. To achieve the objectives of Moral Education which involve aspects of cognition, feeling, and action, the factors of internet access at home, cooperation from the parents, and the teacher's skill of using technology need to be considered.

**Keywords:** covid-19 pandemic, 21st Century learning, moral education, online teaching

## Abstrak

Seiring dengan fenomena Pandemik Covid-19 yang melanda negara kita pada tahun 2020 telah memberi kesan yang amat mendalam kepada semua bidang termasuklah bidang pendidikan. Berikutnya dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), institusi-institusi pendidikan diarahkan tutup. Dengan itu, para pelajar sekolah menjalankan sesi pembelajaran dari rumah iaitu secara dalam talian sahaja dan ianya telah memberi cabaran kepada penggunaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21). Memandangkan PdPc secara dalam talian yang sepenuh ini adalah yang pertama kali berlaku dalam pendidikan di Malaysia, kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran guru Pendidikan Moral tentang pelaksanaan kaedah PAK21 dalam pembelajaran dan pemudahcaraan secara dalam talian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual lima orang guru Pendidikan Moral sebagai responden. Dapatkan kajian menunjukkan PdPc secara dalam talian mendatangkan cabaran yang baru kepada guru Pendidikan Moral, teknik pengajaran yang tradisional yang diaplikasi dalam kelas bersemuka tidak berkesan apabila PdPc secara dalam talian, faktor capaian internet, kerjasama ibu bapa, keperluan kemahiran penguasaan teknologi dalam kalangan guru perlu diambil kira untuk mencapai objektif program Pendidikan Moral yang melibatkan aspek kognitif, perasaan dan tingkah laku.

**Kata kunci:** Pandemik Covid-19, Pembelajaran Abad Ke-21, Pendidikan Moral, Pembelajaran dalam talian.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 5<sup>th</sup> October 2021, revised 30<sup>th</sup> October 2021, accepted 12<sup>th</sup> November 2021

## Pengenalan

Pada era globalisasi kini, kurikulum pendidikan haruslah seiring dengan peredaran zaman bagi memastikan pelajar bukan sahaja memperoleh ilmu pengetahuan semata-mata tetapi juga dapat menguasai kemahiran Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) bagi menghadapi era globalisasi masa kini. Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) adalah proses **pembelajaran yang berpusatkan kepada murid** yang berteraskan kepada beberapa elemen iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika.

Kajian lepas (Rahayu Ahamad Bahtiar *et al.*, 2020)<sup>1</sup> menyatakan bahawa dunia semakin mencabar dan kompleks. Sebarang perubahan dan perancangan perlu bersifat mudah ubah (agility). Ini bermakna setiap peranan pemimpin pendidikan perlu berubah mengikut keperluan semasa yang dikenali sebagai zaman milenium. Azalya Ayob (2003)<sup>2</sup> juga menyatakan bahawa bagi menghadapi cabaran globalisasi rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan asas pendidikan dan latihan yang kukuh serta mempunyai pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan berkomunikasi dan menguasai bahasa. Dengan itu, guru perlu bagi mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kefahaman yang baik terhadap PAK-21 agar proses PdPc dapat berjalan dengan baik dan berkesan. Sistem pendidikan di negara kita telah menghadapi transformasi yang agak drastik dimana pelbagai kaedah pengajaran yang telah diperkenalkan terutamanya berkaitan

dengan penggunaan teknologi.

Berdasarkan kepada penilaian dan pemantauan terhadap kualiti guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, laporan daripada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, KPM (2013)<sup>3</sup> menyatakan bahawa hanya terdapat 12% guru yang telah ditarafkan baik dan cemerlang, 52% guru berada di tahap harapan dan 31% pada tahap memuaskan. Dapat dilihat pada hari ini, pendidikan di negara kita masih belum mencapai tahap yang sepatutnya seperti negara-negara maju yang lain yang mempamerkan bahawa keberhasilan pendidikan Malaysia telah jauh ketinggalan. Oleh hal yang demikian, transformasi pendidikan yang megandungi PdPc abad ke-21 perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar kita mampu berjalan seiring dengan negara-negara lain dalam melahirkan generasi yang holistik. Salah satu mata pelajaran yang sangat memerlukan perlaksanaan PAK-21 ialah subjek Pendidikan Moral, sebab pengajaran Pendidikan Moral perlulah tindak balas pelajar secara keseluruhan baik dari segi komunikasi mahupun pembangunan karakter (Tan, B.P, Rahimah Wahid & Zuraini Jamil, 2015)<sup>4</sup>.

Pada tahun 2020, seluruh dunia telah dilanda wabak virus *Covid19* yang semestinya telah memberikan impak yang sangat besar kepada dunia secara keseluruhannya. Wabak ini telah menyebabkan kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sekolah dan kesemua institusi pendidikan juga ditutup secara keseluruhannya. Dengan itu, KPM telah memperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran normal baharu iaitu secara dalam talian dan dijalankan dari rumah sahaja yang dikenali sebagai Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Berdasarkan kepada Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2020)<sup>5</sup>, cara belajar bagi pendekatan PdPR dalam talian ialah adanya capaian internet, menggunakan peranti dan belajar secara *real time*. Pelbagai halangan dan cabaran yang dihadapi berdasarkan normal baharu ini yang perlu diharungi oleh guru mahupun pelajar. Subjek Pendidikan Moral merupakan satu subjek yang sangat memerlukan interaksi guru dan pelajar, dimana pelajar akan menerapkan nilai-nilai murni melalui aktiviti kelas dan komunikasi dua hala antara pelajar dan guru. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) turut menjadi cabaran kepada guru Pendidikan Moral, bagaimana penerapan nilai-nilai murni dan pembangunan tingkah laku pelajar dapat dimantapkan dengan PdPR? Ini merupakan satu persoalan penting bagi program Pendidikan Moral semasa pandemik di Malaysia.

## Objektif Kajian

Berdasarkan cabaran dan soalan yang dinyatkan di atas, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Secara dalam Talian.

## Kajian Literatur

Bahagian ini akan membincangkan mengenai kajian literatur yang berkait rapat dengan cabaran guru pendidikan moral dalam PdPc PAK21 secara dalam talian.

## Pendidikan Moral di Malaysia

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPM dalam usaha memastikan prosespembelajaran yang berlangsung mampu mencapai matlamat dan objektifnya seperti denganmemperkenalkan kaedah PAK21. Kaedah-kaedah seperti ini sememangnya sangat memberikan kesan yang baik kepada para pelajar terutamanya generasi alpha kini yang suka akan sesuatu yang baharu dan menyeronokkan. Kepelbaaan lagi kaedah pengajaran sememangnya akan melonjakkan lagi prestasi akademik di negara kita. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang telah dilaksanakan oleh Vasanthan Gurusamy dan Nadarajan Thambu (2018)<sup>6</sup> , kajian tersebut mendapati bahawa aktiviti lakonan dalam pengajaran Pendidikan Moral telah meningkatkan motivasi murid. Selain itu, Vijaya Malani Verasamy & Vishalache Balakrishnan (2020)<sup>7</sup> , menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral telah melahirkan murid yang mematuhi peraturan pihak berkuasa dan membantu golongan yang memerlukan dengan menyertai aktiviti kesukarelaan semasa Pandemik Covid-19. Jadi, dapat dilihat daripada pernyataan diatas bahawa pengajaran Pendidikan Moral itu sendiri memberikan kesan kepada pelajar sehingga mempengaruhi tingkah laku mereka walaupun berada di luar kawasan sekolah dengan melakukan aktiviti yang memberi manfaat bukan sahaja kepada diri mereka malah kepada masyarakat setempat juga.

Dalam masa yang sama, Abd Rahman Md. Aroff (1984)<sup>8</sup> dalam kajiannya menyatakan bahawa antara matlamat projek Pendidikan Moral di Malaysia ialah untuk membolehkan murid secara bebas membuat keputusan dan pertimbangan moral yang rasional dan betul serta membenarkan murid berfikir dan menilai keadaan sekeliling walaupun ini akan membawa murid mengkritik peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip yang sedia ada.

## Teknik Pengajaran Penidikan Moral

Pendidikan Moral itu sendiri iaitu berkaitan dengan penguasaan tiga dimensi moral yang meliputi pemikiran moral, emosi moral dan tingkah laku moral. Dalam masa sama, dapat dilihat pada masa kini bahawa teknik yang lain seperti simulasi, main peranan, projek dan pelbagai teknik lagi juga digunakan secara berleluasa. Vishalache Balakrishnan (2007)<sup>9</sup> menyatakan dalam kajiannya bahawa penggunaan dilema kehidupan sebenar dalam pengajaran Pendidikan Moral menggalakkan perkembangan moral murid. Hal ini demikian kerana, topik atau isu yang dibincangkan semasa sesi PdPc berlangsung adalah berkait dengan kehidupan sebenar mereka. Oleh itu, para pelajar akan berfikir secara matang sebelum mereka memberi pendapat dan melakukan sesuatu tindakan tertentu.

Namun begitu, terdapat juga guru yang masih atau selalu menggunakan teknik pengajaran yang bersifat konvensional. Suppiah Nachiappan, Barathy Sinnasamy & Sandra Suffian (2017)<sup>10</sup> menyatakan bahawa pengajaran guru lebih kepada kaedah tradisional, iaitu *chalk and talk* kerana saiz bilik darjah yang tidak sesuai. Seperti yang kita sedia maklum, saiz bilik darjah yang agak sempit menjadi halangan kepada para guru untuk melakukan sesuatu teknik pengajaran yang pelbagai. Seperti yang kita sedia maklum, kaedah-kaedah pengajaran yang berteraskan kepada PAK21 kebanyakannya memerlukan satu ruangan yang luas dan besar agar aktiviti dapat dijalankan dengan mudah dan baik.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Marzni Mohamed Mokhtar, Rohizani Yaakub & Fadzillah Hamzah (2017)<sup>11</sup>, Kemahiran berbahas penting dibudayakan sebagai salah satu kaedah pengajaran bagi meningkatkan penguasaan kognitif murid. Oleh itu, sepatutnya kaedah atau teknik seperti ini perlu dipertingkatkan lagi kerana kaedah seperti ini mampu untuk meningkatkan keyakinan diri, keberanian dan kemahiran menyuarakan pendapat dalam kalangan pelajar.

### **Penggunaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan PAK21 dalam dunia pendidikan di negara kita. Dengan adanya PAK21 ini, ianya mengubah sedikit sebanyak teknik dan cara penyampaian para guru terhadap pengajaran mereka. Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh KPM dalam memastikan PAK21 ini dapat dibudayakan di sekolah. Antaranya ialah seperti dengan penubuhan sekolah pintar. Menurut Ramlee Mustapha dan Abu Abdullah (2004)<sup>12</sup> dalam kajian menyatakan matlamat kerajaan menubuhkan sekolah pintar untuk melahirkan generasi Y negara yang kreatif dan inovatif serta dapat mengadaptasikan teknologi terkini, mampu mengakses dan mengurus serta menjadikan mereka tenaga kerja yang mempunyai daya saing yang produktif.

Dalam masa yang sama, para guru sepatutnya diberikan hak dalam hal berkaitan dengan penentuan tujuan atau dasar sekolah berkaitan dengan penilaian terhadap PdPc yang dijalankan oleh mereka. Oleh itu, pengupayaan yang diperkenalkan perlu dibudayakan supaya ianya memberi hak yang sepatutnya kepada para guru untuk menyesuaikan diri dalam PAK21 kini. Menurut Prayad Ruechakul, Prawit Erawan & Manoon Siwarom (2015)<sup>13</sup>, pengupayaan juga sesuai dengan tuntutan PdPc abad ke 21 agar kepimpinan sekolah pada masa kini tidak lagi bergantung kepada pengetua semata-mata, sebaliknya kepimpinan berkaitan PdPc harus melibatkan para guru.

PAK21 ini merupakan satu pembaharuan yang sangat baik dan memberi impak yang positif terhadap pencapaian akademik para pelajar kerana pengenalan PAK21 ini adalah bersesuai dengan dunia moden kini yang berteraskan teknologi. Jadi, secara tidak langsung kaedah pengajaran yang masih lapuk sudah tidak mendapat penerimaan yang baik dalam kalangan pelajar. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Siti Norfarhana Shaik Ismail & Siti Mistima Maat (2017)<sup>14</sup>, amalan pengajaran guru yang terlalu bersifat konvensional dalam pengajaran menyebabkan pemikiran murid tidak berkembang. Dengan itu, PAK21 ini amat sesuai untuk diamalkan semasa proses pembelajaran.

Proses pengajaran dan pembelajaran tradisional adalah berpusatkan guru, namun, PAK21 ini turut berpusatkan pelajar. Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Rozanna (2017)<sup>15</sup> telah menyatakan bahawa pada PdPc PAK21, guru lebih memainkan peranan penting sebagai monitor yang memastikan murid memberikan penglibatan yang aktif dalam aktiviti pembelajaran. Pada zaman sekarang, PdPc yang berpusatkan guru semata-mata tidak boleh diamalkan kerana akan memberikan impak yang kurang baik kepada para pelajar seperti pelajar tidak akan mampu untuk meningkatkan kemahiran yang sepatutnya dalam diri mereka. Oleh itu, penggunaan kepelbagaiannya kaedah PAK21 dalam PdPc Pendidikan Moral adalah amat diperlukan pada masa sekarang. Dalam Pendidikan Moral, platform secara talian Schoology di

dalam Kelas Berbalik (Flipped Classroom) telah menjadi wahana baharu di dalam Pendidikan Moral untuk mengembangkan pemikiran moral (Shasitharan Raman Kutty, Vasanthan Gurusamy, Noor Banu Mahadir Naidu & Chander Vengadasalam, 2019)<sup>16</sup>.

### **Cabaran penggunaan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)**

PAK21 ini merupakan satu kaedah yang diperkenalkan untuk mengelakkan adanya pembelajaran yang pasif dalam kalangan para pelajar. Hal ini kerana, kaedah tradisional yang digunakan sebelum ini sememangnya berpusatkan guru tanpa mengambil kira penglibatan para pelajar. Dengan adanya PAK21 ini, keadaan seperti itu dapat dielakkan kerana PAK21 menekankan penglibatan para pelajar secara aktif dan guru hanya sebagai pemudahcara. Menurut Najwa Ramly (2014)<sup>17</sup>, proses pengajaran dan pembelajaran masih dapat dijalankan dengan seronok dan berkesan dengan bantuan bahan bantu mengajar yang sesuai seperti komputer dan juga perisian. Dengan itu, dapat dilihat bahawateknologi berkait rapat dengan PAK21 kerana teknologi adalah asas kepada pelaksanaan PAK21 tersebut. Jadi, para guru perlu memiliki kemahiran yang cukup berkaitan dengan penggunaan teknologi supaya PAK21 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

PAK21 sememangnya berteraskan kepada teknologi. Menurut Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali (2019)<sup>18</sup>, pengintegrasian teknologi menawarkan peluang kepada murid untuk menguasai kemahiran-kemahiran abad ke-21 seperti kemahiran kolaborasi, kemahiran maklumat dan pembelajaran akses sendiri. Namun demikian, ianya tidak boleh dilihat pada sudut pelajar itu sahaja namun perlu dititikberatkan juga kepada kefasihan para guru dalam berteknologi. Jadi, berdasarkan kajian-kajian lepas, dapat dilihat bahawa terdapat halangan yang berlaku dalam proses PdPc. Menurut Saemah & Siti Fatimah (2008)<sup>19</sup>, halangan dalam penggunaan teknologi dalam pengajaran disebabkan juga faktor kurang kemahiran. Kemahiran para guru adalah pentingsupaya dapat menggunakan teknologi dengan baik tanpa terkial-kial semasa PdPc berlangsung.

Dalam peningkatan teknologi dan pengenalan PAK21 ini, tidak semua guru yang mampu untuk menguasai penggunaan teknologi dengan baik terutamanya golongan guru yang sudah berusia dan hanya menggunakan kaedah tradisional semata-mata sebelum ini. Hal ini menjadi salah satu cabaran kepada para guru secara keseluruhannya kerana PAK21 ini perlu diamalkan dalam PdPc. Secara tidak langsung, guru perlu menguasai kemahiran tersebut dengan sangat baik. Persediaan guru dalam mengaplikasikan konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK21) ini bakal melahirkan guru yang kompeten dan memenuhi cabaran pendidikan semasa pada masa akan datang (Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail, 2018)<sup>20</sup>. Mereka cuba sedaya upaya menjalankan PdPc PAK21 walaupun terdapat cabaran yang tertentu yang sukar dihadapi kerana tidak pernah hadapinya semasa mengambil kursus Kaedah Mengajar Pendidikan Moral (Maizura Yasin, Nur Surayyah Madhubala Abdullah, 2018)<sup>21</sup>. Oleh itu, para guru perlu berusaha untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran yang pelbagai agar dapat menghadapi pelbagai cabaran PAK21 yang mendarat dengan baik dan mampu untuk menjadikan PAK21 ini sebagai satu amalan pembelajaran yang wajib dilaksanakan.

## Cabaran pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian

Disebalik pelbagai cabaran, namun pembelajaran secara dalam talian ini disokong oleh Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny & Nazarius G. Yulip (2020)<sup>22</sup> dengan menyatakan bahawa guru perlu memperlengkappkan diri dengan kemahiran mengendalikan pembelajaran secara *online* bukan semata-mata disebabkan oleh fenomena yang melanda sekarang tetapi kaedah ini secara perlahan-lahan akan mengambil-alih amalan pembelajaran secara konvensional.

Ketandusan kemahiran dan ilmu dalam menggunakan teknologi tidak dapat menjadi alasan kepada para guru dalam menjalani proses PdPc secara dalam talian. Dalam konteks pendidikan semasa, penggunaan teknologi seperti platform pembelajaran bukan sahaja membantu guru untuk memperbanyakkan sumber pengajaran tetapi mengubah perspektif pelajar berhubung sesuatu isu moral (Shasitharan Raman Kutty, Vasanthan Gurusamy, Noor Banu Mahadir Naidu & Chander Vengadasalam, 2019)<sup>23</sup>. Oleh itu, para guru harus memiliki kemahiran berteknologi dengan baik dan para guru perlu mengharungi cabaran ini dengan sedaya upaya sehingga mampu mengatasi segala masalah yang dihadapi dengan cara yang efisyen. Di samping itu, Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid (2015)<sup>24</sup> dalam kajian mendapati medium pembelajaran maya ini kurang mendapat sambutan dalam kalangan guru kerana kurang pengetahuan dan kemahiran mengendalikan PdPc berasaskan teknologi. Hal ini disebabkan oleh para guru kurang mahir untuk memuat naik bahan-bahan bacaan atau latihan kepada para pelajar. Terdapat juga guru yang masih lemah dalam penggunaan aplikasi sehingga tidak dapat melaksanakan kelas.

Seperti yang kita sedia maklum, di negara kita adanya kawasan bandar, luar bandar dan juga pedalaman. Jadi, keadaan ini turut menjadi cabaran dalam melaksanakan PdPc secara dalam talian. Luqman Arif Abdul Karim (2020)<sup>24</sup> menyatakan bahawa jurang agihan internet di antara bandar dan luar bandar masih pada kadar julat yang sangat besar iaitu nisbah 70:30. Jadi, situasi sekarang memberi kelebihan kepada para guru dan pelajar yang tinggal di kawasan bandar yang memiliki capaian rangkaian internet yang sangat baik dan mampu mengakses segala teknologi dengan mudah.

Namun begitu, pihak KPM cakna akan golongan tercicir dengan memperkenalkan beberapa alternatif supaya para pelajar dan juga guru dapat menjalankan PdPc dengan sepenuhnya tanpa ada perkara yang menghalang daripada ilmu dan PdPc terus dilaksanakan mengikut ketetapan KPM. Oleh itu, garis panduan yang disediakan turut menggariskan alternatif kaedah pembelajaran kedua iaitu guru-guru boleh mengarahkan murid-murid melaksanakan aktiviti pembelajaran menggunakan buku teks, buku kerja, buku ulangkaji dan buku aktiviti tanpa keluar dari rumah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2020)<sup>25</sup>. Menurut Wahaida Wahi (2008)<sup>26</sup>, PdPc tidak lagi berlaku secara fizikal sahaja (dalam bilik darjah), malah telah berkembang kepada pengajaran secara atas talian atau secara virtual. Hal ini dapat dilihat pada dunia hari ini yang menjalankan pembelajaran secara dalam talian secara sepenuhnya kerana institusi pendidikan sudah ditutup untuk sementara waktu.

Selain daripada masalah capaian internet yang kurang baik, cabaran yang juga dihadapi oleh masyarakat terutamanya kepada pelajar atau ibu bapa yang kurang berkemampuan. Hal ini kerana, terdapat juga ibu bapa yang berpendapatan rendah sehingga tidak mampu untuk menyediakan keperluan internet yang mencukupi kepada anak-anak lebih-lebih lagi mereka yang

mempunyai ramai anak yang masih bersekolah. Jadi, wujudnya masalah alat teknologi kerana terpaksa berkongsi dengan adik-beradik yang lain juga. Menurut Harakah Daily bertarikh 27 Januari 2021<sup>27</sup>, peralatan media dan komunikasi menjadi sangat penting, bukan lagi sebagai kehendak, tetapi keperluan dan sebahagian daripada hidup semasa PKP ini.

## Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dalam menggumpul data kajian. Othman Lebar (2017)<sup>28</sup> menyatakan bahawa pendekatan kualitatif adalah merupakan satu kaedah untuk meneroka tingkah laku, perspektif, perasaan dan pengalaman manusia serta apa yang terdapat dalam kehidupannya. Penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif ini juga dapat meneroka sesuatu perubahan atau pengalaman yang berlaku dalam hidup manusia.

## Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan analisis dokumen sebagai instrumen kajian. Namun begitu, hanya dapatan daripada data temu bual sahaja yang dibentangkan di dalam artikel ini. Dengan itu, penyelidik telah mengumpul data melalui temu bual yang dijalankan secara dalam talian. Kaedah temu bual ini dipilih oleh penyelidik sebagai instrumen kajian bagi mengumpul dan mendapatkan data kerana kebiasaannya informan akan lebih mudah untuk bertindak secara lisan disamping penyelidik dapat menerangkan dengan jelas berkaitan dengan soalan yang hendak diajukan agar tiada wujudnya salah faham atau salah tafsir berkaitan dengan soalan kajian. Di dalam kaedah temubual ini juga, penyelidik juga menstrukturkan bidang yang hendak ditemu bual agar bersesuaian dengan kajian dan informan agar dapat menjamin kesahan maklumat yang diberikan.

## Kaedah pengumpulan data

Disebabkan wujudnya kekangan bagi menjalankan temu bual secara bersemuka dengan informan kerana kerajaan telah menetapkan beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dengan itu penyelidik mengambil inisiatif untuk membuat temu bual secara dalam talian sahaja dan tidak melibatkan temu bual secara fizikal. Dengan itu, aplikasi *Whatapps* dilihat sebagai satu medium komunikasi yang mudah untuk menjalankan temubual tersebut. Sebelum membuat keputusan pemilihan medium untuk menjalankan temu bual tersebut, penyelidik telah mendapatkan persetujuan daripada kesemua informan mengenai medium yang akan digunakan sepanjang sesi temu bual itu berlangsung. Justifikasi pemilihan *Whatapps* adalah kerana melalui aplikasi tersebut penyelidik dan informan dapat bersoal jawab menggunakan *voice chat* atau *chat* dan dapat memudahkan penyelidik untuk mendengar dan membaca semula jawapan daripada informan sebagai rujukan kemudian membuat transkripsi daripada temu bual tersebut.

Berikut merupakan pecahan kaedah temu bual yang digunakan oleh informan sepanjang proses temu bual berlangsung:

Jadual 1:  
*Pecahan kaedah temubual*

Informan Perkara	Informan 1	Informan 2	Informan 3	Informan 4	Informan 5
Kaedah temu bual	<i>Chat</i> whatapps	<i>Voice chat</i> whatapps	<i>Voice chat</i> whatapps	<i>Chat</i> whatapps	<i>Voice chat</i> whatapps

### Analisis Data

Data yang dikumpul secara kualitatif dianalisis secara manual.

### Profail Peserta Kajian

Sebelum penyelidik mengajukan soalan berkaitan dengan objektif kajian, penyelidik telah menanyakan beberapa soalan berkaitan dengan diri informan iaitu seperti usia, jantina, tahun perkhidmatan dan mengajar subjek Pendidikan Moral tingkatan berapa. Dengan itu, informan telah memberi jawapan seperti berikut:

Jadual 2:  
*Maklumat Demografi*

Informan	Usia (tahun)	Jantina	Tahun perkhidmatan	Mengajar Tingkatan
<b>1</b>	30	L	2	1 dan 3
<b>2</b>	31	L	5	4 dan 5
<b>3</b>	28	P	3	1
<b>4</b>	45	P	22	4 dan 5
<b>5</b>	27	L	2	2

Berdasarkan kepada temubual yang telah dijalankan oleh penyelidik bersama para informan, beberapa dapatan kajian telah dikenalpasti melalui proses pengekodan yang dipandukan oleh objektif kajian.

#### i. Transkripsi Temu Bual

Selepas menjalankan temu bual bersama informan penyelidik meghasilkan transkripsi melalui rakaman suara dari *voice chat* dan jawapan bertulis serta catatan ringkas yang telah dicatat oleh penyelidik semasa temu bual berlangsung. Dalam proses menyediakan transkripsi ini, penyelidik perlu mendengar semula perbualan temu bual melalui voice chat yang telah dilaksanakan bersama kesemua informan. Dengan itu penyelidik menjalankan proses transkripsi bagi memperoleh data yang lebih teratur dan mudah difahami melalui data yang diberikan oleh informan. Apabila semua data telah dikumpulkan, kebiasaannya

akan diikuti dengan analisis intensif yang melibatkan dapatan tentatif diteliti semula, diinterpretasikan semula bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam.

## ii. Pengekodan

Setelah proses transkripsi selesai, penyelidik kemudiannya membaca semula transkripsi tersebut dan seterusnya membahagikan kepada beberapa topik kecil. Hanya sesuatu data yang bermakna akan dikodkan. Proses tersebut diulang sehingga kesemua data telah disegmenkan dan pengekodan awal sudah lengkap. Semasa proses pengekodan berlangsung, senarai kod utama yang diperolehi akan disimpan. Jadual di bawah menunjukkan cara penyelidik membuat proses pengekodan berdasarkan kepada transkripsi temu bual.

Jadual 2:

*Proses pengekodan berdasarkan transkripsi temu bual*

Soalan utama	Transkripsi temu bual informan 1	Tema
Kefahaman guru Pendidikan Moral tentang kaedah PAK21	PAK21 ialah pembelajaran yang melatih murid dengan kemahiran abad ke 21 iaitu 4C. Communication, collaboration creativity and critical thinking. Untuk pdpc pula melibatkan penglibatan aktif murid dan guru sebagai pembimbing.	Penglibatan aktif murid
Cabaran guru Pendidikan Moral dalam melaksanakan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian	Disebabkan masalah peranti ini, penglibatan murid sangat kurang dimana jumlah khadiran adalah sangat teruk hingga khadiran tidak sampai separuh jumlah murid di dalam kelas. Ini akan menjelaskan PdPc kerana ramai murid yang ketinggalan dan kita tak dapat untuk teruskan ke topik seterusnya mengikut RPT yang telah dirancang. Untuk soal minat murid pula, mereka menunjukkan minat yang tinggi tetapi dengan pelbagai kekangan yang ada susah untuk mereka memberikan penglibatan yang aktif.	Minat dan Penglibatan
Langkah yang dilakukan bagi memastikan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian berjalan dengan lancar.	Alhamdulillah. Setakat ini langkah ini sangat berkesan kepada pelajar saya. Langkah lain untuk memastikan kelancaran PdPc dalam talian ialah perancangan dan pengurusan masa yang cekap oleh guru-guru.	Pengurusan masa

Petunjuk: ■ penglibatan aktif murid ■ Minat dan penglibatan ■ Pengurusan masa

## Dapatan Kajian

Dapatan kajian daripada data temu bual sahaja dibentangkan untuk tujuan penulisan artikel ini. Berikut ialah merupakan perbincangan tentang dapatan kajian.

### **Cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan kaedah PAK21 dalam PdPc Secara dalam Talian**

Berdasarkan kepada data yang diberikan oleh informan, terdapat beberapa cabaran yang dilihat menjadi halangan kepada informan pelaksanaan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian. Cabaran-cabaran tersebut wujud dalam pelbagai bentuk sehingga memberi gangguan terdapat kelancaran proses PdPc yang dijalankan secara dalam talian ini.

#### **1) Masa tidak mencukupi untuk melaksanakan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian**

Masa adalah merupakan satu aspek yang sangat penting dalam melaksanakan PdPc. Jika berhadapan dengan masalah kekangan masa, guru pastinya tidak akan dapat melaksanakan PdPc dengan baik dan kandungan pengajaran tidak dapat disampaikan dengan sepatutnya. Berdasarkan daripada kenyataan yang diberikan oleh informan, masa yang diperuntukan untuk menjalankan PdPc dalam talian adalah singkat. Berikut merupakan jawapan daripada informan berkaitan dengan cabaran masa:

*“Penetapan masa menjadi faktor utama dalam menentukan PdPc itu berjaya atau tidak. Seperti contoh, jadual PdPr ini tak sama tempoh masa dengan jadual pdpc biasa”.* (Informan 1)

*“Cabaran yang dihadapi dalam menjayakan kaedah ini dalam talian ialah terlalu banyak memakan masa untuk menghasilkan tugas yang menggunakan internet.”* (Informan 3)

*“1 jam 30 minit atau 1 jam tempoh untuk pdpc atas talian bagi 1 kelas sepanjang tempoh pdpr. Saya terpaksa membuat pembahagian tajuk/fokus utama pelajaran dan perlu dibahagikan seringkasnya kerana masa yang tidak mencukupi.”* (Informan 4)

Masa adalah salah satu cabaran yang sering wujud dalam kalangan guru. Hal ini kerana, pelbagai masalah yang wujud misalnya masalah capaian internet. Jika masalah capaian internet berlaku, ianya akan menjelaskan masa kerana PdP yang dijalankan adalah memerlukan capaian internet yang tinggi. Jika capaian internet tidak bermasalah, sudah pasti masa yang diambil untuk melaksanakan PdPc tidak akan lama. Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali (2019)<sup>29</sup> dalam kajiannya turut menyatakan soal masa iaitu guru sering terfikir tentang kekangan masa dari dua aspek iaitu masa berkaitan dengan proses pengajaran dan waktu pengajaran mereka terganggu oleh aktiviti-aktiviti lain yang tidak berkaitan dengan pengajaran. Dengan itu, dapat dilihat bahawa masa menjadi cabaran dalam pelaksanaan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian ini.

## 2) Kurang penglibatan pelajar terhadap kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian

Cabaran yang turut dihadapi oleh informan sepanjang pelaksanaan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian ini ialah dari segi minat dan penglibatan para pelajar semasa proses PdPc berlangsung. Empat daripada lima orang informan menyatakan bahawa terdapat cabaran dalam penglibatan pelajar semasa menjalankan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian.

*“Disebabkan masalah peranti ini, penglibtan murid sangatlah kurang dimana jumlah kehadiran adalah sangat teruk hingga kehadiran tidak sampai separuh jumlah murid di dalam kelas. Untuk soal minat murid pula, mereka menunjukkan minat yang tinggi tetapi dengan pelbagai kekangan yang ada susah untuk mereka memberikan penglibatan yang aktif.”* (Informan 1)

*“sebenarnya ada kekangan mengikut kepada tempat ataupun bandar dimana kita berada sekarang. Contohnya kita berada di pedalaman, kekangannya adalah untuk mencari internet dan mencari line. Dari segi minat, ianya tidak memberi masalah sangat.”* (Informan 2)

*“Sepanjang pdpc secara dalam talian ini, minat dan penglibatan pelajar adalah sangat ketara dimana Kelas belakang/lemah, ada yang ZERO kehadiran untuk pdpc/pdpr atas talian.”* (Informan 4)

*“Sebahagian murid adalah tidak melibatkan diri dalam pdpc secara dalam talian dan minat tersebut sukar untuk dinilai kerana terdapat pelajar yang tidak mengikuti pdpc disebabkan tiada peranti dan tiada rangkaian internet di kampung mereka.”* (Informan 5)

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan pelajar kurang penglibatan dalam PdPc secara dalam talian. Antaranya ialah masalah peranti dan rangkaian internet. Utusan Borneo Online bertarikh 20 Januari 2021<sup>30</sup> menyatakan bahawa kehadiran murid yang mengikuti PdPR tidak mencapai 80 peratus dan kebanyakan murid tidak memberikan fokus kerana suasana rumah yang tidak kondusif. Dengan itu, penetapan kaedah pengajaran menjadi salah satu faktor yang perlu diberi penekanan dalam usaha menarik minat dan penglibatan pelajar untuk terus fokus dan melibatkan diri secara aktif dalam PdPc.

## 3) Masih kurang Bahan Bantu Mengajar yang menarik untuk digunakan dalam PdPc secara dalam talian.

Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan satu elemen yang wajib ada dalam setiap proses PdPc yang dilaksanakan. Namun begitu, seperti yang kita sedia maklum, BBM yang digunakan sepanjang PdPc secara dalam talian ini adalah berbeza dengan BBM yang digunakan semasa kelas bersemuka dimana kelas bersemuka guru dapat menggunakan BBM yang bersifat maujud dalam PdPc. Kebanyakan guru sekarang mencari BBM yang terdapat dalam talian untuk digunakan semasa melaksanakan PdPc namun BBM dalam talian masih kurang dan terdapat juga guru yang masih kurang mahir dalam menggunakan teknologi sehingga mengalami kesukaran untuk melaksanakan kaedah PAK21 dalam PdPc. Informan menyatakan bahawa masa yang agak lama diambil untuk menyediakan BBM untuk digunakan dalam PdPc secara dalam talian kerana

penyediaan BBM adalah bergantung kepada internet. Jika capaian internet rendah, maka masa yang diperuntukan untuk menyiapkan sesuatu BBM adalah lebih lama.

*“Apabila menyediakan BBM, untuk kelas bersemuka, ianya tidak memakan masa. Manakala untuk menyediakan BBM atau ABM untuk kelas dalam talian, ianya sangat mengambil masa yang lama kerana kita memerlukan capaian internet yang bagus.”* (Informan 3)

*“Berkaitan dengan BBM pula, Bahan rujukan online untuk Pendidikan Moral adalah masih kurang dan guru perlu menghasilkan sendiri video rakaman pdpc atau slide pdpc untuk digunakan dalam pdpc atas talian.”* (Informan 4)

### **Langkah yang diambil oleh guru Pendidikan Moral dalam memastikan keberhasilan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam Talian**

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan ini, informan telah menyatakan beberapa langkah yang perlu diambil dan dilaksanakan bagi memastikan keberhasilan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian. Keberhasilan PdPc bergantung kepada keberkesanan sesebuah PdPc yang dilaksanakan.

#### **1) Menyusun atur semula masa**

Masa merupakan cabaran utama dalam pelaksanaan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian. Informan menyatakan bahawa mereka akan membuat pembahagian dan menyusun semula masa. Dengan itu, masalah kekangan masa akan dapat diatasi dengan baik.

*“Bagi cikgu sendiri, pembahagian masa dalam PdPc dalam talian amat penting kerana terdapat kekangan masa disebabkan oleh jadual yang padat”* (Informan 1)

*“Langkah yang saya ambil, biasanya saya akan organised balik dan susun balik masa saya.”* (Informan 3)

Seperti yang kita sedia maklum, masa yang diperuntukkan untuk satu-satu subjek adalah sangat terhad. Jadi, guru akan cuba sedaya upaya untuk menghabiskan silibus pengajarannya dalam masa yang diperuntukkan. Dengan itu, pelaksanaan kaedah PAK21 agak sukar untuk dilaksanakan jika kaedah PAK21 yang digunakan oleh guru adalahmemerlukan masa yang lama untuk dilaksanakan. Bukan itu sahaja, sepanjang PdPc dijalankan secara dalam talian, para guru juga mempunyai banyak tanggungjawab lain disamping mengurus keluarga, faktor persekitaran, masa digunakan untuk menyiapkan BBM, menyediakan modul untuk penilaian bilik darjah bagi setiap kelas yang diajar dan sebagainya menjadi faktor sampingan guru menghadapi kekangan masa dalam melaksanakan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian.

## 2) Sentiasa bersedia dengan pelbagai BBM dan pelbagai kaedah PAK21

Guru perlu mempunyai persediaan yang lebih teliti dan persediaan lain supaya proses PdPc tersebut dapat dilaksanakan juga. Oleh itu, sebagai seorang guru, kita perlu mempunyai kemahiran dan kreativiti yang tinggi. Wan Abdul Rahim, W. M. I., Nor Laila, M. N & Shafie, M. (2006)<sup>31</sup> menyatakan guru yang ideal adalah mereka yang berpengetahuan tinggi, mahir dalam bidang teknikal dan cekap menjalankan tugas sebagai seorang guru. Hal ini bertepatan dengan pernyataan yang diberikan oleh informan iaitu perlu bersedia dengan kaedah yang lain yang lebih menjimatkan masa dan tenaga supaya proses PdPc tetap dapat dilaksanakan dengan baik.

*“Sekiranya BBM yang disediakan tidak dapat digunakan, cikgu akan teruskan PdPc pada hari tersebut dengan kaedah pembelajaran kendiri yang sesuai seperti pembelajaran masteri, kontekstual dan menjalankan PdPc interaktif menggunakan Kahoot atau Quizziz.”*

(Informan 1)

*“Saya akan Menggunakan kaedah lain yang dirasakan bersetujuan dengan topik serta aras murid. Terdapat pelbagai kaedah PAK21 yang sangat mudah untuk dilaksanakan.”*

(Informan 5)

Menurut Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin, & Amran Bakar (2016)<sup>32</sup> guru-guru abad ke 21 perlu memiliki kekuatan minda, ketangkasan daya cipta, kemantapan idealisme dan kekuatan diri. Pendapat ini adalah sama seperti Mary Yap (2015)<sup>33</sup> yang menekankan kemahiran pedagogi bersifat holistik, meneroka penggunaan model pembelajaran pelbagai mod yang memanfaatkan teknologi supaya dapat mencungkil kemahiran berfikir aras tinggi serta mengukuhkan pembelajaran murid .

## 3) Mempelbagaikan penggunaan kaedah PAK21

Dalam konteks pendidikan, kemahiran ini merujuk kepada kemahiran guru di dalam bilik darjah. Kemahiran yang perlu dimiliki oleh setiap guru adalah kemahiran belajar, kemahiran berfikir, kemahiran merancang, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran mengurus. Dengan adanya penguasaan terhadap kemahiran tersebut, guru tidak akan mengulangi penggunaan kaedah PAK21 yang sama sahaja setiap kali proses PdPc dilaksanakan kerana kaedah tersebut dilihat mudah untuk dilaksanakan sehingga memberikan kesan kepada pelajar seperti kurang minat terhadap pelajaran disebabkan bosan kerana kaedah dan BBM yang digunakan adalah sama sahaja. Kebanyakan guru menggunakan kaedah PAK21 yang sama kerana kaedah tersebut dilihat mudah untuk dilaksanakan tanpa meneliti dari aspek minat pelajar. Hal ini bertepatan dengan jawapan yang diberikan oleh informan :

*“pelajar tidak suka benda yang sama dan mereka tidak suka benda yang terlampaui banyak dan nakkan sesuatu yang simple tetapi boleh faham. contohnya hari ini mungkin menggunakan google meet, selepas habis sesi penerangan latihan mungkin saya akan bagi dalam bentuk quizziz.”*

(Informan 3)

*“Pada pendapat saya, setiap Guru perlu berubah dan bersedia belajar teknik mengajar yang lebih menarik dan sesuai dengan peredaran masa sekarang.”*

(Informan 4)

Kajian Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018)<sup>34</sup> menunjukkan konsep keseluruhan PdP PAK21 masih kurang difahami dengan jelas oleh guru dari sudut perancangan dan pelaksanaannya. Hal ini juga dipersetujui oleh Rajendran Nagappan (2010)<sup>35</sup> yang menyatakan kesediaan guru semasaproses PdP bergantung kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dimiliki untuk mengajar.

#### **4) Peranan ibu bapa dan KPM**

Selain daripada usaha dan langkah yang dilakukan oleh informan atau guru itu sendiri, ibu bapa dan KPM juga perlu berganding bahu dalam memastikan setiap cabaran yang dihadapi oleh setiap guru dalam pelaksanaan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian dapat diatasi dengan baik dan berkesan. Berdasarkan kepada penyataan daripada informan tersebut, dapat dilihat bahawa kerjasama dan peranan daripada ibu bapa dan juga KPM adalah penting dalam usaha memastikan keberkesanannya pelaksanaan kaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian.

*“Oleh itu, bagi cikgu hubungan dengan ibu bapa amatlah penting dalam memantau prestasi murid terutama dalam keadaan sekarang dimana PdPc tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka.”* (Informan 1)

*“Saya berharap agar pihak kerajaan dapat menyalurkan capaian internet kepada semua pelusuk negara terutamanya kepada kawasan pedalaman dimana kawasan ini sangat susah untuk mendapatkan capaian internet yang baik kerana tiada kemudahan telefon.”* (Informan 3)

Selain memantau prestasi dan penglibatan pelajar dalam PdPc, ibu bapa juga perlu menyediakan kemudahan seperti peranti dan internet yang baik kepada anak-anak agar dapat mengikuti PdPc yang dilaksanakan oleh guru. Penerapan kaedah PAK21 yang dilaksanakan oleh guru semasa PdPc sedikit sebanyak mampu memudahkan pelajar untuk lebih mudah faham jika pelajar mempunyai peranti dan internet yang baik. Pada masa yang sama, KPM atau kerajaan itu sendiri juga perlu turun padang dan meneliti halangan-halangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam menjayakan PdPc secara dalam talian terutamanya berkaitan dengan capaian internet. Terlalu ramai pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman terjejas dan ketinggalan dalam mengikuti kaedah PAK21 yang dijalankan oleh guru semasa PdPc yang dijalankan secara dalam talian.

#### **Perbincangan**

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan ini, cabaran terbesar yang dihadapi oleh guru Pendidikan Moral adalah berkaitan dengankekangan masa dan diikuti oleh kesan daripada capaian rangkaian internet dan juga kekurangan kemudahan peranti dalam kalangan pelajar. Dapatan ini bertepatan dengan kajian lepas yang mendapati bahawa aktiviti dan proses pembelajaran Abad ke-21 memerlukan masa yang panjang (Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali, 2019)<sup>18</sup>. Jika masalah ini berterusan, para pelajar tidak akan dapat mengikuti pembelajaran dengan sempurna kerana pada masa ini semua pelajar belajar dari rumah iaitu melalui kaedah secara dalam talian.

Peranan KPM dan ibu bapa adalah sangat penting dalam memastikan kelancaran PdPc pelajar. KPM perlu memastikan kesemua pelajar mendapat peranti dan rangkaian internet yang baik. Paradigma baharu untuk pemimpin pendidikan abad ke-21 bersedia dengan kemahiran pembelajaran yang disokong oleh teknologi bagi mempersiapkan guru dan murid kepada persekitaran globalisasi yang memerlukan pemikiran yang kritis, bersedia mencari, mengakses dan menganalisis maklumat dan membuat keputusan (Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa, 2020)<sup>36</sup>. Begitu juga dengan peranan ibu bapa. Berdasarkan kajian Paezah Abd. Halim & Faridah Yunus (2017)<sup>37</sup> menyatakan bahawa penyertaan ibu bapa dalam dunia sebenar pembelajaran anak sama ada di rumah maupun di sekolah sedikit sebanyak membantu ibu bapa dalam penyediaan bahan pembelajaran untuk anak-anak. Proses PdPc yang dijalankan oleh guru juga boleh menggunakan kaedah yang berdasarkan dilema *real-life* juga boleh diperaktikkan dalam pengajaran Pendidikan Moral ini. Seperti yang kita sedia maklum, Pendidikan Moral ini bukan hanya penerapan atau pengajaran nilai murni semata-mata tetapi juga sangat berkait rapat dengan kehidupan harian yang sebenar. Guru boleh mengaitkan pengalaman sebenar pelajar yang berlaku dalam kehidupan harian dengan topik yang akan diajarkan tersebut. Vishalache Balakrishnan (2002)<sup>38</sup> dalam kajiannya menyatakan bahawa pembelajaran berdasarkan dilema *real-life* ini dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat masing-masing dan menjadikan mereka lebih berani kerana masalah atau isu moral yang dibincangkan adalah melibatkan golongan remaja seperti mereka.

Disamping cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Moral dalam melaksanakan PdPc secara dalam talian ini, kita juga dapat melihat bahawa pencapaian terhadap penguasaan dimensi moral adalah sangat rendah dalam kalangan pelajar terutamanya bagi emosi dan tingkah laku disebabkan oleh motivasi moral yang kurang semenjak pelaksanaan PdPc secara dalam talian sahaja. Hal ini kerana, semasa PdPc secara dalam talian dilaksanakan, guru tidak dapat melihat dan menilai emosi dan tingkah laku pelajar sepanjang pembelajaran Pendidikan Moral. Berbanding dengan situasi ketika kelas bersemuka dimana pelajar akan dapat melaksanakan aktiviti di dalam kelas dan guru dapat melihat penguasaan pelajar terhadap ketiga-tiga dimensi moral secara keseluruhan. Sebagai contoh, aktiviti lakonan atau sketsa pendek. Dengan aktiviti seperti ini pelajar secara langsung akan dapat menggambarkan emosi dan tingkah laku yang sepatutnya apabila berhadapan dengan sesuatu situasi yang berkaitan dengan topik yang dipelajari. Oleh itu, motivasi moral ini adalah sangat penting. Seseorang yang mempunyai motivasi moral yang tinggi dapat bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan yang diambil, komited terhadap prinsip-prinsip moral, mengutamakan nilai-nilai moral berbanding kehendak-kehendak lain, menolak elemen yang memberi keuntungan peribadi dan berpendirian untuk bertindak berdasarkan unsur moral dan etika (Vasanthan Gurusamy & Nadarajan Thambu, 2018)<sup>6</sup>. Jadi, jelaslah bahawa motivasi moral ini akan dapat membentuk tingkah laku seseorang. Dengan itu, pelaksanaan PdPc secara dalam talian ini memang dilihat agak sukar untuk mencapai ketiga-tiga dimensi moral yang sepatutnya dikuasai bagi memastikan sesebuah pembelajaran tersebut mencapai objektifnya.

## Kesimpulan

Pendidikan Moral di Malaysia memain peranan yang penting dalam pembentukan warganegara yang bertanggungjawab dan matang (Tan, B. P., Naidu, N. B. M., & Jamil, Z. (2018) <sup>39</sup>. Secara keseluruhannya, penyelidik berharap agar penyelidik pada masa hadapan akan meneruskan

kajian seperti ini agar setiap cabaran yang dihadapi dalam proses menjalankankaedah PAK21 dalam PdPc secara dalam talian seperti yang kita hadapi sekarang akan dapatdiatasi dengan baik. Penyelidik juga berharap agar langkah yang produktif dilakukan oleh semua pihak dalam memastikan kelangsungan PdPc yang dijalankan secara dalam talian bagi subjek Pendidikan Moral ini berjaya mencapai objektifnya sekaligus dapat melahirkan pelajar yang mempunyai nilai moral yang tinggi dan mampu menguasai tiga dimensi moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan tingkah laku moral dengan baik.

## References:

1. Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). Peranan Dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat Dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp) Covid-19. Daripada <https://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/2.%20PERANAN%20DAN%20CABARAN%20PEMIMPIN%20PENDIDIKAN.pdf>
2. Azalya Ayob. (2003). Kepentingan kemahiran generik di kalangan pekerja di industri elektrik dan elektronik di Bayan Lepas, Pulau Pinang. *Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia*. Daripada <http://merr.utm.my/id/eprint/11997>
3. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, KPM (2013). Retrieved from [www.moe.gov.my/24/3.2018](http://www.moe.gov.my/24/3.2018)
4. Tan, B. P, Rahimah Wahid & Zuraini Jamil @ Osman. 2015. Peranan Guru Dalam Membina Iklim Moral Dalam Bilik Darjah. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*. 7(3), 87-95. Daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1722>.
5. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Garis Panduan Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Disebabkan Penularan Jangkitan Covid-19. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3, Tahun2020 Bertarikh 27 Mac 2020. Putrajaya. Daripada <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4081-manual-pengajaran-dan-pembelajaran-versi-2-2-feb-2021-1/file>
6. Vasanthan Gurusamy & Nadarajan Thambu. (2018). Perkembangan Motivasi Moral Muridmelalui Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(4), 234-250. Daripada <file:///C:/Users/acer/Downloads/70-Article%20Text-122-2-10-20200118.pdf>
7. Vijaya Malani Verasamy & Vishalache Balakrishnan (2020). Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia: Satu Pengenalan. *Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, Volume:5(2), 131-142. Daripada <https://ejournal.upi.edu/index.php/mimbardik/article/download/28871/12990>
8. Abd Rahman Md. Aroff. (1984). Matlamat Pendidikan Moral: Suatu Penilaian Terhadap Matlamat Projrk Pendidikan Moral di Malaysia. *The Asia Pacific Journal of Educators and Education (formerly known as Journal of Educators and Education)*, 6 (1), 52-60. Daripada [http://apjee.usm.my/JPP\\_06\\_1984/jilid%202006%20artikel%2006.pdf](http://apjee.usm.my/JPP_06_1984/jilid%202006%20artikel%2006.pdf)
9. Vishalache Balakrishnan. (2007). The Use of Theory of Constraints (TOC) in Teaching of Moral Education. *i-manager's Journal on School Educational Technology*, Vol. 31, 6-12. From <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1066869.pdf>
10. Suppiah Nachiappan, Barathy Sinnasamy & Sandra Suffian. (2017). Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral di sekolah menengah dan penyelesaian

- masalah melalui kaedah hermeneutik. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education.* Vol.7, No. 2, 58-68. Daripada <file:///C:/Users/acer/Downloads/240-Article%20Text-363-1-10-20181008.pdf>
11. Marzni Mohamed Mokhtar, Rohizani Yaakub & Fadzillah Hamzah. (2017). Kaedah Perbahasan Sebagai Wahana Pembelajaran Dan Pemudah Cara Berasaskan KBAT Dalam Proses Penulisan Karangan Argumentatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.* Vol.7, Bil.2, 1-12. Daripada <http://jurnalarticle.ukm.my/11351/1/146-284-1-SM.pdf>
  12. Ramlee Mustapha & Abu Abdullah. (2004). Malaysia Transitions Toward a KnowledgebasedEconomy. *The Journal of Technology Studies Education,* (3): 51-62. From <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ905143.pdf>
  13. Prayad Ruechakul, Prawit Erawan & Manoon Siwarom. (2015). Empowering Communities Educational Management: Participatory Action Reseach. *International Education Studies;* Vol.8, No.9, 65-78. From <http://dx.doi.org/10.5539/ies.v8n9p65>
  14. Siti NorFarhana Shaik Ismail & Siti Mistima Maat. (2017). Pembelajaran Abad Ke 21: Pendekatan Kontekstual Untuk Pembelajaran Bermakna Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik. Seminar Serantau, 75-89. Daripada <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/11-siti-norfarhana-shaik-ismail.pdf>
  15. Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Rozanna. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.* 2. Vol. 7, Bil. 2. 77-88. Daripada <http://jurnalarticle.ukm.my/11357/1/152-296-1-SM.pdf>
  16. Shasitharan Raman Kutty, Vasanthan Gurusamy, Noor Banu Mahadir Naidu & Chander Vengadasalam. (2019). PENGGUNAAN SCHOOLOGY UNTUK MEMERIHALKAN ISU DALAM PENDIDIKAN MORAL MENERUSI KELAS BERBALIK (FLIPPED CLASSROOM). Volume 3- Issue 3 (July, 2019), Pages 295- 307. Daripada [https://www.Researchgate.net/publication/334172268\\_PENGGUNAAN\\_SCHOOLOGY\\_UNTUK\\_MEMERIHALKAN\\_ISU\\_DALAM\\_PENDIDIKAN\\_MORAL\\_MENERUSI\\_KELAS\\_BERBALIK\\_\(FLIPPED\\_CLASSROOM\)](https://www.Researchgate.net/publication/334172268_PENGGUNAAN_SCHOOLOGY_UNTUK_MEMERIHALKAN_ISU_DALAM_PENDIDIKAN_MORAL_MENERUSI_KELAS_BERBALIK_(FLIPPED_CLASSROOM))
  17. Najwa Ramlan. (2014). Implikasi Penggunaan Teknologi Dalam Proses Pembelajaran Kimia Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Daerah Pontian. *Masters Thesis,* 15-28. Daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/78288/1/NajwaRamlanMFP20141.pdf>
  18. Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. Research Institute for Islamic Product and MalayCivilization, 26(4), 87-103. Daripada <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>
  19. Saemah Rahman & Siti Fatimah Mohd Yassin. (2008). Kemahiran Mengakses Dan Mempelajari Bahan Hiperteks Dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan,* 33, 81-94. Daripada [http://www.ukm.edu.my/jurpend/journal/vol%2033%202008/pdf/BAB\[6\].pdf](http://www.ukm.edu.my/jurpend/journal/vol%2033%202008/pdf/BAB[6].pdf)
  20. Raja Abdullah Raja Ismail, & Daud Ismail. (2018). Aplikasi ‘Konsep 4C’ Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal* (APJ), 1(1), 45–65. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/8>
  21. Maizura Yasin1 , Nur Surayyah Madhubala Abdullah. (2018). Sudut Pandangan Guru Pelatih Pendidikan Moral Terhadap Cabaran Pelaksanaan Pdpc Abad Ke-21 Di Sekolah.

- Vol.2, No.2 (2018), 36-4. Malaysian Online Journal of Education. From <http://journal.kuis.edu.my/attarbawiy/wp-content/uploads/2018/12/36-45-1.pdf>
22. Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny & Nazarius G. Yulip. (2020). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal Pendidikan*, 1-13. Daripada [https://www.academia.edu/43147586/Cabaran\\_Pelaksanaan\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran\\_Jarak\\_Jauh\\_PDPCJJ\\_Semasa\\_Perintah\\_Kawalan\\_Pergerakan\\_PKP\\_](https://www.academia.edu/43147586/Cabaran_Pelaksanaan_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Jarak_Jauh_PDPCJJ_Semasa_Perintah_Kawalan_Pergerakan_PKP_)
  23. Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid. (2015). Persekutuan Pembelajaran Maya Frog (VLEFROG) Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia: Pelaksanaan Dan Cabaran. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5. Persidangan Negara Kali Ke-5, 28-38. Daripada [https://www.researchgate.net/publication/301677780\\_Persekutuan\\_Pembelajaran\\_Maya\\_Frog\\_VLEFROG\\_Di\\_SekolahSekolah\\_Di\\_Malaysia\\_Pelaksanaan\\_Dan\\_Cabaran](https://www.researchgate.net/publication/301677780_Persekutuan_Pembelajaran_Maya_Frog_VLEFROG_Di_SekolahSekolah_Di_Malaysia_Pelaksanaan_Dan_Cabaran)
  24. Luqman Arif Abdul Karim. (2020). PKP: E-Pembelajaran Tidak Segerak Sesuai Di Luar Bandar, Pedalaman. Kuala Lumpur: Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677952/pkp-e-pembelajaran-tidak-segerak-sesuai-di-luar-bandar-pedalaman>
  25. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020, December 26). My Gov UC. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/index.php/en/dasarmenu/pelan-induk-pembangunan-profesi-onalisme-keguruan-pippk>
  26. Wahaida Wahi. (2008). Tahap Kesediaan Guru Menggunakan Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan. *Thesis*, 14-19. Daripada [http://etd.uum.edu.my/4753/2/s86940\\_abstract.pdf](http://etd.uum.edu.my/4753/2/s86940_abstract.pdf)
  27. *Harakah Daily*. (27 Januari 2021). Apa Peranan Ibu Bapa? <https://harakahdaily.net/index.php/2021/01/27/pdpr-apa-peranan-ibu-bapa/>
  28. Othman Lebar. (2017). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode Selangor: Nur Niaga Sdn. Bhd.
  29. Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization, 26(4), 87-103. Daripada <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>
  30. *Utusan Borneo Online*. (20 Januari 2021). Mantapkan PdPR Elak Keciciran Pelajar. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/01/20/mantapkan-pdpr-elak-keciciran-pelajar>
  31. Wan Abdul Rahim, W.I., Nor Laila, M. N., & Shafie, M. (2006). Toward conceptualization of Islamic user interface for Islamic website: An initial investigation. Proceedings of International Conference on Information, Communications Technology for the Muslim World (ICT4M), Malaysia. From [https://www.researchgate.net/profile/Nor-Laila-Md-Noor/publication/228784566\\_Towards\\_Conceptualization\\_of\\_Islamic\\_User\\_Interface\\_for\\_Islamic\\_Website\\_An\\_Initial\\_Investigation/links/00463521314\\_a2d22900000/TowardsConceptualization-of-Islamic-User-Interfacefor-Islamic-Website-An-Initial-Investigation.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Nor-Laila-Md-Noor/publication/228784566_Towards_Conceptualization_of_Islamic_User_Interface_for_Islamic_Website_An_Initial_Investigation/links/00463521314_a2d22900000/TowardsConceptualization-of-Islamic-User-Interfacefor-Islamic-Website-An-Initial-Investigation.pdf)
  32. Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin, & Amran Bakar. (2016). Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 (1st ed.). Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
  33. Mary Yap (2015, August 13). Guru berperanan lahir pelajar capai standard global. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/74472>
  34. Raja Abdullah Raja Ismail, & Daud Ismail. (2018). Aplikasi ‘Konsep 4C’ Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal* (APJ), 1(1), 45–65. Retrieved from

- <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/8>
35. Rajendran Nagappan. (2010). Teaching Thinking Skills at Institutions of Higher Learning: Lessons Learned. Pertanika Journal of Social Science and Humanities, 18, 1–14.
  36. Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). Peranan Dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat Dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp) Covid-19. Daripada <https://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/2.%20PERANAN%20DAN%20CABARAN%20PEMIMPIN%20PENIDIKAN.pdf>
  37. Paezah Abd. Halim & Faridah Yunus. (2017). Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Kanak-Kanak Di Prasekolah. Daripada <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/14-PAEZAH-ABD-HALIM.Pdf>
  38. Vishalache Balakrishnan. (2002). Penggunaan dilema real-life dalam pengajaran Pendidikan Moral. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*, Universiti Malaya.
  39. Tan, B. P., Naidu, N. B. M., & Jamil, Z. (2018). Moral values and good citizens in a multi-ethnic society: A content analysis of moral education textbooks in Malaysia. *The Journal of Social Studies Research*, 42(2), 119-134.